



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. (2026). Sudirman Arshad sebagai ikon perpaduan menerusi seni persembahan di Malaysia. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 264-284. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.16>

SUDIRMAN ARSHAD SEBAGAI IKON PERPADUAN MENERUSI SENI PERSEMBAHAN DI MALAYSIA

(Sudirman Arshad as the Icon of National Unity through Performing Arts in Malaysia)

Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah

Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang,
Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

harizshah@uum.edu.my

Received: 5/2/2024

Revised: 29/12/2024

Accepted: 24/5/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Sudirman Arshad merupakan Penghibur No. 1 Asia yang telah melakar pelbagai kejayaan signifikan di dalam dan luar negara. Bukan sahaja mempunyai bakat sebagai seorang penyanyi, malahan beliau juga merupakan seorang komposer, penulis lirik, pelukis, penari, pelakon, usahawan dan penghibur. Transisi muzik Malaysia pada era 1980-an jelas mendapat pengaruh dan sentuhan Sudirman sehingga kini. Namun begitu, bakat insan seni seperti beliau adalah sukar lagi ditemui sementelahan negara memerlukan seorang figura yang mampu menyatupadukan masyarakat majmuk Malaysia melalui seni persembahan dan mendunia di pentas antarabangsa. Artikel ini menganalisis seni persembahan sebagai wacana perpaduan dengan meneliti pemikiran dan sumbangan Sudirman Arshad dalam konteks sosiobudaya masyarakat majmuk Malaysia. Artikel ini menggunakan metode kualitatif melalui kaedah perpustakaan dan metode dokumentasi daripada pelbagai sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran dan sumbangan Sudirman dalam arena seni persembahan memberi impak signifikan kepada muzik dan masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui karya-karyanya yang merentas zaman, beliau juga berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia melalui lagu dan konsertnya yang dihadiri pelbagai golongan kaum, umur dan jantina. Beberapa cadangan dilontarkan supaya bakat seperti Sudirman dapat diteruskan oleh generasi kini dan akan datang bagi meletakkan pengaruh muzik Malaysia di peta dunia.

Kata kunci: Sudirman Arshad, ikon, perpaduan, seni persembahan, Malaysia.

ABSTRACT

Sudirman Arshad, widely recognized as Asia's No. 1 Entertainer, achieved numerous significant milestones both locally and internationally. Beyond his exceptional talent as a singer, he was also a composer, lyricist, painter, dancer, actor, entrepreneur, and all-around entertainer. The transition of Malaysian music in the 1980s was notably shaped by Sudirman's influence and creative touch—a legacy that endures to this day. Nevertheless, artistic talents of his calibre are increasingly rare. At the same time, the nation requires a figure capable of unifying Malaysia's plural society through the performing arts while achieving recognition on the international stage. This article analyses performing arts as a discourse of unity by examining the thoughts and contributions of Sudirman Arshad within the sociocultural context of Malaysia's multi-ethnic society. A qualitative approach was employed, utilizing library research and document analysis from various primary and secondary sources. Findings reveal that Sudirman's contributions and intellectual perspectives within the performing arts have had a significant impact on both the music industry and Malaysia's multicultural society. Through his timeless works, he succeeded in uniting Malaysians of diverse ethnicities, ages, and genders via his songs and widely attended concerts. This article proposes several recommendations to encourage the cultivation of talents like Sudirman among current and future generations, in an effort to position Malaysian music on the global stage.

Keywords: *Sudirman Arshad, icon, national unity, performing arts, Malaysia.*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk dan berbilang kaum dengan komposisi etnik yang mencerminkan kompleksiti sosiobudaya negara. Berdasarkan bancian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2025, kumpulan Melayu membentuk kira-kira 58.2% daripada jumlah penduduk, diikuti oleh komuniti Cina (22.2%), India (6.5%) dan kumpulan bumiputera lain (12.3%). Dalam keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan berdepan pelbagai cabaran sosial seperti perpecahan kaum, segregasi bandar-desa, jurang ekonomi antara etnik, stereotaip budaya dan ketidaksaan peluang sosial, perbezaan ini kadang-kala menimbulkan ketegangan sosial dan polarisasi komuniti, terutama dalam konteks politik, pendidikan dan hiburan. Kepelbagaian dalam aspek agama, identiti kaum dan kebudayaan sering menjadi faktor perselisihan (Shamrahyu Ab Aziz, 2019, Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah et. al., 2025).

Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi angka kes berkaitan kesalahan yang melibatkan jenayah *Race, Religion and Royalty* atau 3R yang agak membimbangkan. Berdasarkan laporan BERNAMA (2026), terdapat 173 kes membabitkan isu ini yang telah dilaporkan pada 2026 setakat bulan Mac. Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (MCMC) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sejumlah 153 kes terkait isu tersebut menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor pada 11 Julai 2026 (Firdaus Azil, 2026). Pada tahun 2025, tiga penyampai radio ERA FM digantung tugas susulan kandungan video yang menyinggung sensitiviti masyarakat India (Wafa Aula, 2025) manakala isu penjualan stoking tertera kalimah Allah di beberapa kedai rangkaian serbaneka KK Supermart telah mendatangkan kemarahan umat Islam Malaysia pada tahun 2024 (Samadi Ahmad, 2024). Dapatan ini menunjukkan masih ada ruang yang perlu diperkukuh dalam usaha menjamin perpaduan warganegara.

Muzik senantiasa menjadi bahasa universal yang memperkukuh perpaduan dan menanam semangat cinta akan negara. Di samping berfungsi sebagai hiburan, muzik juga menjadi medium komunikasi

sosial yang merepresentasikan realiti masyarakat serta menyampaikan pelbagai mesej dan nilai kepada khalayak (Mohammad Haris Abd Azis & Mohd Azhar Abu Bakar @ Azmeer, 2025). Pelbagai sambutan dan acara utama menggunakan lagu yang dapat menaikkan rasa dan jiwa kebersamaan. Mengambil contoh, kempen Tahun Melawat Malaysia 1986 (*To Know Malaysia is to Love Malaysia* nyanyian Sudirman), Sukan Komanwel 1998 (*Standing in the Eyes of the World* nyanyian Ella), Budi Bahasa (*Budi Bahasa Budaya Kita* nyanyian Siti Nurhaliza), Sidang Kemuncak ASEAN 2025 (*Our Land, Our Home* nyanyian Aina Abdul), serta Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 (*Malaysia MADANI Rakyat Disantuni* nyanyian Siti Nurhaliza) merupakan antara lagu tema popular yang ikonik sehingga hari ini. Pemilihan penyanyi bagi lagu-lagu perpaduan turut memainkan peranan penting supaya dapat menyampaikan mesej melalui lagu kepada semua masyarakat majmuk dengan berkesan.

Dalam suasana masyarakat yang heterogen ini, usaha memperkukuh perpaduan tidak boleh bergantung kepada dasar dan penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya turut memerlukan pendekatan sosial dan kebudayaan yang berupaya membentuk nilai kebersamaan dalam kalangan masyarakat. Hakikatnya, seni berpotensi menjadi wahana pembentukan identiti kolektif dan semangat kebangsaan sebagaimana diperlihatkan dalam kajian terhadap puisi perjuangan Melayu Patani (Mohamed Nazreen Shahul Hamid et al., 2022). Pendekatan sedemikian dapat dizahirkan melalui peranan yang dimainkan oleh figura budaya yang berupaya membentuk imaginasi, identiti dan pengalaman hidup bersama (Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah & Ahmad Hidayat, 2022). Justeru, wujud keperluan untuk memartabatkan figura budaya yang mampu merentasi sempadan etnik dan kelas sosial serta menjadi medium penyatuan melalui nilai-nilai bersama (Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, 2026).

Artikel ini berpandangan Sudirman Arshad merupakan figura paling sesuai mengisi kelompongan tersebut. Tidak syak lagi, beliau merupakan seorang ikon legenda terkenal di Malaysia. Walaupun tempoh penglibatannya dalam mewarnai kanvas dunia seni persembahan boleh dikatakan agak singkat (1976-1992), tetapi sumbangan dan impak yang telah ditinggalkan kepada masyarakat adalah sangat besar dan tidak ternilai namun belum diteliti secara menyeluruh. Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk satu kajian yang meneliti secara holistik pemikiran, sumbangan dan impak Sudirman Arshad dalam seni persembahan sebagai instrumen perpaduan sosial dan pembinaan identiti kebangsaan sejajar dengan konteks sosiobudaya Malaysia.

Kajian ini berbeza daripada kajian terdahulu kerana meneliti Sudirman sebagai wacana seni dan sosial, bukan sekadar tokoh hiburan. Kajian ini turut menyumbang kepada bidang kajian seni dan budaya dengan memperkaya wacana tentang peranan seni persembahan tempatan sebagai medium perpaduan sosial dalam masyarakat majmuk Malaysia. Melalui pendekatan kajian tokoh, artikel ini mengangkat Sudirman Arshad bukan sekadar sebagai penghibur popular, tetapi sebagai agen budaya yang menyumbang kepada pembinaan identiti kebangsaan dan keharmonian sosial. Justeru, artikel ini akan menyentuh latar belakang, hasil karya, pencapaian dan warisan yang ditinggalkan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji seni, ahli akademik, penggubal dasar kebudayaan serta pendidik dalam memahami potensi seni persembahan sebagai instrumen integrasi nasional, khususnya dalam konteks Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Meskipun Sudirman Arshad sering diangkat sebagai ikon seni, seniman rakyat dan simbol perpaduan nasional, namun perbincangan akademik tentang beliau masih didominasi oleh penulisan berbentuk biografikal, dokumentasi sejarah dan naratif popular yang bersifat deskriptif. Terdapat sebuah Kertas Projek yang telah ditulis oleh Nor Lelinda Abd. Rashid, graduan dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM tentang Sudirman iaitu *Sejarah Hidup Sudirman* (2006). Sebuah buku turut ditulis khas oleh bekas wartawan hiburan yang rapat dengan beliau, Saodah Ismail berjudul *Sudirman Yang Ku Kenali* (2019) telah berada di pasaran buat bahan bacaan para peminat Sudirman. Tujuan buku tersebut ditulis adalah supaya masyarakat khususnya generasi muda mengenali Sudirman dari kaca mata seorang wartawan yang amat rapat dengannya (Saharudin Musthafa, 2019). Menurut Saodah Ismail (2019), ia turut menghimpunkan kisah personal tentang Sudirman yang dicungkil daripada kotak memori insan-insan yang rapat dengan beliau seperti wartawan, bekas pengurus dan penulis lirik. Kajian-kajian terdahulu seperti disebutkan di atas lebih menumpukan latar kehidupan, pencapaian dan kisah peribadi Sudirman tetapi kurang memberi perhatian kepada analisis pemikiran, falsafah seni serta peranan seni persembahan beliau sebagai wacana sosial dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.

Selain penulisan yang bersifat biografikal tersebut, terdapat juga satu lapisan keserjanaan yang meneliti muzik popular Malaysia secara lebih kritikal dan analitikal, meskipun Sudirman hanya muncul sebagai salah satu contoh dalam wacana yang lebih luas. Lockard (1996) merupakan antara pengkaji terawal yang meneliti lagu-lagu Sudirman seperti *Chow Kit Road* dan *Apa Khabar Orang Kampung* sebagai komentar sosial terhadap fenomena urbanisasi, keterasingan dan realiti kehidupan kosmopolitan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu luar bandar yang berhijrah ke bandar. Namun begitu, tumpuan Lockard yang lebih menjurus kepada analisis lirik dan konteks politik telah dikritik sebagai kurang menyelami aspek emosi, budaya serta sambutan pendengar terhadap muzik tersebut (Adil Johan & Shazlin Amir Hamzah, 2019).

Menerusi kajian kumpulan fokus yang dijalankan di Kuching, Kota Kinabalu dan Lembah Klang, Adil Johan dan Shazlin Amir Hamzah (2019) mendapati bahawa lagu *Balik Kampung* dan *31 Ogos* nyanyian Sudirman mencatat pengecaman sepenuhnya merentas semua kumpulan etnik, sekali gus menjadikannya lagu yang melambangkan Malaysia selain lagu kebangsaan, *Negaraku*. Yang lebih penting, dapatan mereka mencabar tanggapan bahawa perpaduan terhasil daripada mesej patriotik yang dogmatik semata-mata, sebaliknya berpunca daripada pertalian peribadi dan intim yang diperoleh setiap individu daripada lagu tersebut. Hujah ini turut diperkukuh oleh Adil Johan (2020) yang meletakkan Sudirman dalam naratif "detik-detik perpaduan dalam kepelbagaian," dengan menonjolkan keupayaan Sudirman menyanyi dalam bahasa Kantonis dan Tamil serta seruan perpaduannya merentas kaum semasa Konsert SUDI pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, dalam kesemua kajian ini, Sudirman tetap dibincangkan sebagai satu contoh dalam hujah yang lebih besar tentang muzik popular dan integrasi nasional dan bukan sebagai subjek utama sesuatu kajian tokoh yang menyeluruh.

Di samping itu, kajian oleh Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah dan Ahmad Hidayat Buang (2022) telah meletakkan Sudirman berdampingan dengan Ahmad Ibrahim sebagai dua ikon perpaduan negara masing-masing dalam bidang seni persembahan dan perundangan, dengan menekankan konsert percuma di Jalan Chow Kit pada tahun 1986 yang menghimpunkan seramai 100,000 penonton pelbagai kaum sebagai bukti kuasa penyatuan beliau. Namun begitu, disebabkan tumpuan kajian tersebut terbahagi antara dua tokoh, analisis terhadap pemikiran dan falsafah seni persembahan Sudirman secara khusus masih belum dapat dihuraikan secara mendalam. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa meskipun keserjanaan sedia ada telah pun menyentuh kehidupan,

karya mahupun fungsi perpaduan Sudirman, namun masih belum wujud satu kajian tokoh yang menjadikan Sudirman sebagai subjek tunggal dan menganalisis seni persembahannya secara holistik sebagai wacana perpaduan sosial dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.

Jurang inilah yang cuba diisi oleh artikel ini, iaitu dengan meneliti pemikiran, sumbangan, pencapaian dan warisan Sudirman Arshad secara bersepadu bagi menonjolkan peranan beliau bukan sekadar sebagai penghibur popular, tetapi sebagai agen budaya yang menyumbang kepada pembinaan identiti kebangsaan dan keharmonian sosial. Beberapa cadangan kritikal bagi penyambungan legasi Sudirman turut dilontarkan sebagai nilai tambah dan usaha berterusan dalam memperkaya peranan seni persembahan sebagai salah satu medium perpaduan berkesan masyarakat majmuk Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merujuk kepada pendekatan penyelidikan yang menumpukan kepada pemahaman mendalam terhadap fenomena sosial, pengalaman, pemikiran dan makna yang dibina oleh individu atau kumpulan dalam konteks tertentu. Menurut Creswell (2013), penyelidikan kualitatif ialah suatu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan terhadap sesuatu masalah sosial atau kemanusiaan melalui pengumpulan data berbentuk teks seperti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dalam konteks kajian tokoh, Patton (2015) menyatakan bahawa kaedah kualitatif amat sesuai digunakan bagi mengkaji latar belakang, pemikiran, sumbangan dan pengaruh seseorang tokoh secara holistik melalui analisis dokumen, penulisan tokoh, temu bual serta sumber sejarah. Kaedah ini membolehkan penyelidik memahami keunikan dan konteks kehidupan tokoh yang dikaji secara mendalam. Pendekatan kajian tokoh digunakan bagi memahami seni persembahan sebagai medium yang berupaya menyatupadukan masyarakat, terutamanya kepelbagaian kaum dan agama. Bahasa muzik yang adalah bahasa universal yang dapat difahami dan diresapi oleh setiap individu tanpa mengira latar belakang. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan daripada bahan-bahan rujukan primer dan sekunder seperti buku, disertasi, keratan majalah dan akhbar, makalah, kertas persidangan, laman sesawang, laman blog, artikel jurnal serta media sosial seperti YouTube dan Facebook bagi mengumpul segala rujukan berkaitan ketokohan Sudirman dalam bidang seni persembahan. Analisis dokumen pula dilakukan bagi mengenal pasti tema, makna dan konteks yang berkaitan dengan pemikiran serta sumbangan Sudirman melalui hasil karyanya dalam bidang seni persembahan. Hujungnya, cadangan bagi meneruskan legasi Sudirman diutarakan supaya terus kekal relevan dan menjadi rujukan buat bukan sahaja anak seni, malah seluruh rakyat Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang: Biodata, Akademik dan Kerjaya/Bidang

Sudirman Arshad dilahirkan pada 25 Mei 1954, hari Rabu, jam 11 pagi di sebuah rumah kedai yang dikenali sebagai Baris Lintang yang terletak di Temerloh, Pahang Darul Makmur. Beliau merupakan anak kepada Haji Arshad Haji Hassan dan Hajah Ramlah Dahalan. Ayahnya merupakan seorang ahli perniagaan yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Temerloh sementara ibunya pula ialah wanita pertama yang menjadi wakil rakyat bagi daerah Temerloh. Sudirman merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik seibu sebapa dan anak keenam daripada lapan orang adik-beradik seayah tetapi berlainan ibu (Lelinza, 2006).

Menurut Sudirman Arshad (1991), Wan (neneknya) yang memberi nama Sudirman itu. Sudirman bertanya hal tersebut kepada neneknya: “*Siapa bubuh nama Sudirman?*” “*Wan lah*” “*Ngapa Sudirman? Ngapa tak Jins ke... atau Ramli.. atau*” “*Ikut suka Wanlah... cucu Wan! He! He! He!*” Oleh yang demikian, Sudirman ialah nama yang diberi oleh neneknya. Nama tersebut merupakan nama Jawa kerana neneknya berasal dari Balai Raja, Indonesia. Nama itu juga sempena nama Jeneral Sudirman yang meninggal dunia pada usia 34 tahun akibat penyakit paru-paru. Nama panggilan ringkas yang digunakan oleh ibu dan ayah Sudirman untuk beliau ialah Sudir. Abang-abang dan kakaknya pula memanggil beliau dengan nama Deman, dalam kalangan anak-anak buahnya pula beliau digelar dengan nama Cok Man, manakala rakan-rakannya pula lebih selesa memanggil beliau dengan nama Sudi (Nor Lelinsa Abd. Rasid, 2006).

Sudirman memulakan persekolahan di sebuah sekolah Inggeris iaitu Sekolah Rendah Abu Bakar, Mentakab (*Abu Bakar Primary School Mentakab*), Pahang dari tahun 1961 hingga 1966. Selepas itu, beliau mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar di Kuantan, Pahang setelah lulus dalam peperiksaan LCE (*Lower Certificate Education*) sehingga beliau tamat Tingkatan 6. Sebenarnya, beliau mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara selepas mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan MCE (*Malaysian Certificate Education*) tetapi telah menolak tawaran tersebut. Pada tahun 1976, selepas mendapat keputusan yang cemerlang dalam HSC (*Higher School Certificate*), beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Fakulti Undang-undang, UM. Di sebalik kepadatan jadual dalam bidang seni, beliau masih dapat membahagi masanya antara menyanyi dan menyertai kelas tutorial di universiti tersebut. Pada tahun 1980, beliau telah menerima Ijazah Undang-undang (LL.B) dengan mendapat Kepujian Kelas Ketiga.¹ Beliau menjalani latihan guaman pada tahun 1983 dan diiktiraf sebagai peguam pada tahun berikutnya. Bagaimanapun, Sudirman meninggalkan bidang guaman kerana memilih bidang seni sebagai kerjayanya.

Sisi akademik Sudirman jarang ditonjolkan berbanding sisi beliau yang lain sebagai seorang penghibur. Sudirman pernah menghasilkan sebuah Kertas Projek sewaktu beliau bergelar mahasiswa UM sebagai memenuhi sebahagian syarat graduasi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian. Beliau telah menulis sebuah Kertas Projek bertajuk *A Legal Study of Copyright Protection in Malaysia* (1979/80) yang boleh didapati di Bahagian Latihan Ilmiah/Tesis/Disertasi, Tingkat 2, Perpustakaan Undang-undang Ahmad Ibrahim, UM. Kertas Projek ini ditulis sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Kajian beliau adalah bertujuan untuk memberi satu kajian yang objektif tentang perlindungan hak cipta yang terdapat di bawah Akta Hak Cipta 1969 di Malaysia. Abstrak kajian tersebut menyatakan: “*The purpose of this paper is to give an objective evaluation of the legal aspects of the Copyright protection afforded by the Copyright Act 1969 of Malaysia. The writer shall confine its discussion to the study of substantive laws and the main concepts of the Act, as well as infringements of the Copyright, and remedies available thereto. Where necessary, comparisons with the English Copyright Act as well as the International Copyright Convention will be dealt with.*” Kertas Projek ini juga telah dipamerkan secara eksklusif buat tatapan peminat beliau melalui Pameran “*One Thousand Million Smiles*” yang telah diadakan di Perpustakaan Utama UM pada 1 Mac hingga 25 Mei 2018 (Amalina Akashah et al., 2018).

Penulis berpendapat bahawa disebabkan kajian beliau menyentuh tentang hak cipta, maka Sudirman amat menitik beratkan soal berkenaan terhadap karya-karya yang telah beliau hasilkan (Mohammad

¹ Sudirman merupakan rakan sekelas Mantan Peguam Negara Malaysia iaitu Tan Sri Dato’ Sri Idrus bin Azizan @ Harun (berkhidmat dari 6 Mac 2020 hingga September 2023) dan Mantan Peguam Negara iaitu Tan Sri Abdul Gani Patail (berkhidmat dari 1 Januari 2002 hingga 27 Julai 2015).

Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, 2024). Ini terbukti dengan sikapnya yang sangat teliti dalam aspek hak cipta lagu, semakan lirik lagu, gambar-gambar yang dilakukan semasa sesi fotografi dan sebagainya (Norisah Sulaiman, 2019). Menurut Sudirman Arshad (1980) juga, penguatkuasaan terhadap Akta Hak Cipta Malaysia 1969 (pada masa itu) perlu diperketat terutama dalam menjamin hak cipta sesebuah karya dan membanteras lanun cetak rompak yang berleluasa yang mampu melumpuhkan industri seni kerana mengaut keuntungan daripada karya asli dalam bidang sastera, muzikal dan paling tegas terhadap hasil karya rakaman suara. Ini menunjukkan keintelektualan dan kepekaan Sudirman dalam membangunkan industri seni melalui penguatkuasaan undang-undang berkenaan hak cipta dan usaha membanteras cetak rompak.

Bergelar graduan lulusan undang-undang dan merupakan seorang peguam bertaualiah, beliau tidak memilih bidang tersebut sebagai kerjayanya. Menurut Habsah Hassan (2019), Sudirman banyak menghabiskan masanya berulang-alik antara Mentakab dengan Kuala Lumpur untuk tujuan latihan dalam kamar (*chambering*) dan kerjaya seni ketika namanya sedang melonjak naik dan disahkan sebagai seorang peguam namun akhirnya beliau memilih bidang seni sebagai kerjayanya. Habsah Hassan berkata: “*Saya rasa Sudirman ni dia memang passion. Apa yang dia buat itu lahir dari passion. Walaupun dia a qualified lawyer, tapi saya rasa passion dia bukan pada akademik. Bukan jiwa dia. Dia sanggup berkorban apa sahaja.*” Setelah memilih bidang seni sebagai periuik nasinya, terbukti Sudirman mempunyai pelbagai kebolehan bukan sahaja sebagai seorang penyanyi malah beliau juga merupakan penghibur, penggubah lagu, peguam, penulis, pengarang buku memoir dan kanak-kanak, pelukis kartun, usahawan dan pelakon. Disebabkan sedari kecil lagi Sudirman suka membaca Al-Quran, berpidato, menyanyi, menari, bersajak, bersyair, melukis dan apa sahaja yang berkaitan dengan dunia seni malah ketika beliau remaja, bakat dan minat seni telah mendorong beliau menyertai pelbagai pertandingan antaranya pertandingan syarahan, menulis esei nyanyian, syair dan sebagainya (Nor Leliza Abd. Rasid, 2006).

Meskipun pelbagai cabang seni telah dicuba oleh Sudirman, namun salah satu hasratnya tidak kesampaian iaitu untuk menghasilkan filem. Menurut Habsah Hassan (2019), Sudirman telah memberinya gambaran cerita dan idea secara kasar untuk filem tersebut tentang kisah anak murid yang angau (*infatuated*) pada cikgunya tetapi tidak sempat duduk berbincang bagi menulis skrip filem itu bersama-sama. Namun begitu, satu-satunya filem pertama dan terakhir yang dilakonkan oleh Sudirman berjudul *Kami* pada tahun 1982 telah menonjolkan bakatnya sebagai seorang pelakon. Menariknya, skrip asal yang ditulis dalam Bahasa Inggeris oleh Patrick Yeoh telah diterjemahkan oleh Sudirman ke Bahasa Melayu bersama dengan loghat Pahang. Mempunyai aspirasi tinggi, beliau enggan dicalonkan bagi anugerah Pelakon Baru Lelaki Terbaik sebaliknya ingin dicalonkan bagi kategori Pelakon Lelaki Terbaik namun tidak berjaya. (YouTube, 2011).

Pemikiran dan Falsafah Seni Sudirman Arshad

Pemikiran seni Sudirman Arshad terbentuk daripada gabungan pengalaman hidup, latar pendidikan serta kesedaran sosial yang tinggi terhadap realiti masyarakat Malaysia. Melalui karya dan persembahannya, Sudirman tidak sekadar berfungsi sebagai penghibur, tetapi sebagai pemerhati sosial yang peka terhadap isu rakyat biasa, khususnya golongan bawahan dan kelas pekerja bandar. Lagu-lagu seperti *Chow Kit Road*, *Punch Card*, *Aku Seorang Penganggur* dan *Hidup Di Kota* menggambarkan pengalaman kehidupan bandar, keterasingan dan tekanan ekonomi, sekali gus menjadikan seni beliau sebagai medium refleksi sosial. Pendekatan ini selari dengan pandangan Lockard (1996) yang menyatakan bahawa muzik popular di Asia Tenggara sering berfungsi sebagai wadah kritikan sosial

dan ekspresi pengalaman masyarakat. Dalam konteks ini, pemikiran seni Sudirman dapat difahami sebagai seni yang berteraskan rakyat, realistik dan berorientasikan nilai kemanusiaan.

Pada era 1980-an, muzik popular Melayu arus perdana menjadi lebih pelbagai dan mempunyai kesedaran sosial. Penghibur sofistikated, Sudirman merupakan antara penyanyi yang sering menentang isu-isu seperti masalah orang Melayu luar bandar yang berhijrah ke bandar, realiti kehidupan kosmopolitan yang menyedihkan seperti keterasingan, kesepian dan monotoni kerja kilang selain beberapa lagunya juga mengutuk perkauman atau menggalakkan sifat patriotisme (Lockard, 1996). Misalnya, Sudirman amat terkenal dengan lagu-lagu yang mempunyai tema kehidupan di bandar dan golongan bawahan serta pertengahan seperti *Chow Kit Road*, *Punch Card*, *Aku Seorang Penganggur*, *Baru Dapat Kerja*, *Hidup Di Kota* dan *Apa Khabar Orang Kampung*.

Sudirman telah merakamkan album dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dikeluarkan dalam bentuk piring hitam, kaset dan cakera padat dengan memperoleh status ‘platinum’ dan ‘emas’ di bawah naungan label EMI-Thorn (Nor Lelinsa Abd. Rasid, 2006). Album-album yang telah dihasilkan sepanjang karier beliau ialah *Aku Penghiburmu* (1978), *Perasaan* (1979), *Anak Muda* (1980), *Lagu Anak Desa* (1980), *Lagu Dari Kota* (1981), *Twinkle Twinkle Little Star* (1981), *Abadi* (1982), *Lagu Cinta* (1982), *Images* (1983), *Orang Baru* (1984), *Lagu Dari Sebuah Bilik* (1984), *Malam Anak Desa di UKM* (1985), *Orang Kampung* (1986), *Kul It* (1986), *Pilihan Sentimental Emas* (1987), *Asia’s No 1 Performer* (1989), *Lagu-lagu Rakyat* (1989) dan *Koleksi Klasik* (1991). Terdapat juga beberapa buah album yang diterbitkan selepas pemergian beliau berjudul *Jauh Di Sudut Hati* (1992), *Balik Kampung* (1993), *Setelah Kau Tiada* (1995), *Dwi Dekad* (1996), *Rindu Serindu Rindunya* (1999) dan *Nilai Cintamu* (2000).

Dari aspek pemikiran Sudirman pula, ia boleh dilihat melalui idea-ideanya di luar kotak dan hasil karyanya yang melangkaui zaman; bukan sahaja melalui lagu-lagunya malahan pemikiran dan usaha yang beliau lakukan. Antaranya konsert gergasi di Chow Kit Road, Kuala Lumpur pada 14 April 1986. Dalam sidang media bagi mengumumkan berkenaan konsert bersejarah itu beliau berkata: “Saya mahu mengadakan konsert besar-besaran di Chow Kit kerana saya mahu orang yang selama ini hanya menonton persembahan saya di televisyen melihat saya secara live di pentas. Seperti mana saya menyanyi di Paddock, begitulah saya akan menyanyi untuk mereka secara percuma. Itu cara saya untuk menghargai mereka yang menyokong saya selama ini.” (Saodah Ismail, 2019). Konsert yang menghimpunkan seramai 100,000 orang ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum yang hadir semata-mata untuk menyaksikan Sudirman beraksi di tengah-tengah Kuala Lumpur.

Idea untuk mengadakan Konsert Chow Kit Road datangnya daripada Sudirman sendiri. Beliau merupakan seorang yang genius dan selalu berfikir jauh ke hadapan. Saodah Ismail (2019) berkata bahawa Konsert Chow Kit diilhamkan oleh Sudirman kerana ketika itu sedang berlangsung Persidangan PATA (*Pacific Asia Travel Association*) ke-35 yang mana Kuala Lumpur bertindak sebagai tuan rumah dan menyaksikan kedatangan ramai tamu luar, jurugambar dan wartawan asing datang ke Malaysia justeru ini merupakan peluang terbaik bagi Sudirman untuk membuat konsert di tengah-tengah Kuala Lumpur di samping mempromosikan lagu dan budaya negara melalui persembahan beliau. Sifatnya yang banyak berfikir itu juga menyebabkan beliau tahu apa yang dimahukannya dalam setiap persembahan. Perkara ini diakui oleh bekas pengurus Sudirman, Daniel Dharanee. Dharanee (2019) berkata: “Dia orang yang banyak berfikir, otaknya sentiasa bergerak aktif. He is a multi-faceted kind of person. Multi function. Dia seorang yang boleh buat macam-macam benda pada satu masa yang sama. Contoh macam bila dia nak buat show, dia boleh fikir pasal mekap, pakaian, penari-penari yang mengiringi dia bahkan juga boleh fikir juga apa pemuziknya perlu pakai. Itulah cara otak dia bekerja.”

Beliau juga mempunyai impian yang besar bagi melihat bakat dari Malaysia mempunyai platform yang baik untuk dibentuk dan digilap supaya boleh diketengahkan di peringkat global melalui pasaran antarabangsa. Beliau menginginkan bakat anak Malaysia diketengahkan di Amerika dan negara-negara lain seperti mana orang Amerika dan British yang sudah sampai ke mana-mana di seluruh pelusuk dunia. Untuk tujuan itu, beliau telahpun merancang bersama pihak pengurusan di Los Angeles untuk membawa artis Malaysia ke peringkat antarabangsa namun hasratnya tidak kesampaian kerana beliau meninggal dunia (Ramlan Md Isa, 2019). Ini menunjukkan wawasan beliau yang jauh ke hadapan bagi membantu melahirkan artis tempatan ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Di samping mempamerkan semangat perpaduan kaum dan bangsa dalam konsert dan persembahannya, beliau juga mendaftarkan dan mengutamakan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu sebagai wadah dan instrumen penyatuan masyarakat. Ini dapat dilihat ketika salah seorang peminat beliau yang ingin berjabat tangan dengannya di atas pentas. Semasa sesi bersalaman tersebut, wanita itu menyebut “*Thank you*” namun Sudirman membalasnya dengan berkata “*Bukan thank you, terima kasih.*” (YouTube, 2017). Satu kajian kumpulan tertumpu yang telah dilakukan oleh Adil Johan dan Shazlin Amir Hamzah (2019) di Kuching, Kota Kinabalu dan Lembah Klang menunjukkan bahawa lagu *Tanggal 31* dan *Balik Kampung* nyanyian Sudirman merupakan lagu-lagu popular yang melambangkan dan mewakili Malaysia selain lagu kebangsaan, *Negaraku*.

Di kesempatan ini juga, penulis ingin menyenaraikan beberapa fakta menarik tentang lagu-lagu Sudirman yang popular. Pertama, lagu *Warisan* dalam album *Abadi* (1982). Terdapat pemahaman yang salah terhadap lirik lagu tersebut pada rangkap ketiga iaitu “*Betapa... Di bumi ini ku melangkah.*” Lirik yang sebenar ialah “*Bertapak.*” Ini adalah logik jika digabungkan dengan lirik seterusnya yang mempunyai kohesi dan koherens iaitu “*Di bumi ini ku melangkah.*” (Riduan Judin, 2014). Namun bagi penulis, sama ada “*Betapa*” atau “*Bertapak,*” kedua-duanya boleh digunakan asalkan tidak melarikan maksud bagi rangkap tersebut. Kedua, lagu *Balik Kampung* bukanlah sebuah lagu raya, tetapi ia merupakan lagu bagi mahasiswa yang teruja pulang ke kampung halaman (Farahin Fadzil, 2024). Namun begitu, lagu tersebut kerap dimainkan menjelang Syawal kerana lagunya yang ceria dan liriknya dikaitkan dengan aktiviti balik ke kampung setiap kali tibanya hari raya (Fiza Kamarudin, 2020). Jika diamati, tiada satu pun perkataan “*Raya*” yang terkandung dalam lirik lagu tersebut. Seperti lagu *Balik Kampung*, saban tahun juga lagu patriotik *Tanggal 31* nyanyian Sudirman akan dimainkan sempena menyambut Hari Kemerdekaan. Sebenarnya, lagu tersebut merupakan lagu yang dirakamkan semula untuk album patriotik beliau berjudul *Abadi* (1982) dan merupakan lagu asal ciptaan dan nyanyian penyanyi Melayu era 1960 dan 1970-an iaitu Ahmad Chass Barra atau lebih dikenali sebagai Ahmad C.B (Huda Hussain, 2020).

Selain itu, antara lagu asal yang sepatutnya dinyanyikan oleh beliau tetapi kemudiannya dinyanyikan oleh penyanyi lain ialah lagu *Setiamu Tiada Lagi* oleh Iknor Riza. Menurut Saodah Ismail (2019), lirik lagu tersebut yang ditulis oleh Sudirman yang menggambarkan kedukaannya setelah perceraian tidak dapat disampaikan sendiri oleh beliau kerana tiada kekuatan akibat kesedihan yang sangat mendalam. Seterusnya, lagu *Aku Penghiburmu* yang popular dinyanyikan oleh Jamal Abdillah merupakan lagu asal nyanyian Sudirman dan telah dimuatkan dalam albumnya yang menggunakan judul yang sama pada tahun 1978. Fakta lain juga ialah terdapat beberapa artis kontemporari yang telah merakamkan semula lagu-lagu nyanyian Sudirman Arshad sebagai sebuah penghargaan (*tribute*) buat penyanyi legenda itu dan dimuatkan dalam album mereka. Antara lagu dan artis tersebut ialah lagu *Hujan* oleh Anuar Zain dalam album *Anuar Zain Vol.5* (2016) (Kenneth Chaw, 2016) dan lagu *Teratai Menjelma* oleh Dato’ Sri Siti Nurhaliza menerusi album *Manifesta SITI2020* (2020). (Farihad Shalla Mahmud, 2019, Asyraf Roslan, 2020). Kehebatan Sudirman juga dapat dibuktikan apabila semasa penglibatannya dalam

bidang seni yang singkat itu, beliau telah merakamkan pelbagai lagu dengan permulaan judul yang hampir mencakupi semua abjad kecuali abjad Q, V, X dan Z.

Soal personaliti pula, umum mengetahui bahawa Sudirman ialah seorang yang sangat patriotik. Beliau pernah muncul dalam Majlis Penutupan Sukan SEA pada tahun 1989 yang menyaksikan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah tahun tersebut dengan berpenampilan mengenakan baju bendera Malaysia sepanjang 120 meter rekaan Den Wahab bernilai hampir RM20,000 sambil mengibarkan Jalur Gemilang yang besar (Rozdan Mazalan, 2018). Sifat patriotiknya turut diabadikan dalam sebuah album studio rakamannya berjudul Abadi pada tahun 1982 dengan memuatkan beberapa hits seperti *Tanggal 31*, *Warisan* dan *Tegakkan Bendera Kita*. Setiap tahun pasti lagu-lagu ini akan berkumandang di corong radio dan stesen televisyen bagi membangkitkan semangat patriotisme dan cinta akan negara.

Sudirman juga dikenali sebagai seorang yang dermawan yang mana beliau suka membantu rakan artis yang memerlukan seperti mana beliau dan Sharifah Aini telah membantu mengutip sumbangan bagi tabung amal Biduanita Negara, Puan Sri Saloma. Menurut Saodah Ismail (2019), “Dia juga rajin bersedekah, terutama artis-artis veteran yang sangat dihormatinya. Ramai yang dia bantu, secara melibatkan mereka dalam show atau menghulurkan wang bila dia ketemu mereka.” Sifat dermawan Sudirman ini turut diakui oleh Daniel Dharanee yang mana beliau berkata bahawa Sudirman pernah membantu seorang promoter untuk kutipan tabung anaknya yang merupakan pesakit kanser. Sudirman telah mengadakan persembahan selama dua jam di hadapan 35 ribu penonton dengan bayaran tiket RM5 seorang namun dia tidak mengambil sedikit pun untung daripada untuk persembahan tersebut. Dharanee (2019) berkata: “Kutipan show malam itu saja, lebih seratus ribu tapi dia tak ambil sesen pun. Mereka mahu bayar dia separuh dari kutipan, tapi dia berikan semua untuk tabung. Dia kata, Bang, simpan duit tu untuk tabung. Ini rezeki Abang, dia kata.”

Sudirman merupakan seorang artis yang sangat teliti dan menginginkan kesempurnaan (*perfectionist*) dalam setiap apa yang dilakukannya. Hal ini diakui oleh Norisah Sulaiman yang mana menurutnya, Sudirman akan libatkan diri dari A sampai Z bagi penghasilan sesebuah album, berbeza dengan artis lain. Menurut Norisah Sulaiman (2019), “Untuk shooting kulit album, dia akan buat banyak kali sampai puas hati. Puas hati bagi dia adalah yang perfect. Again, no mistake. Kalau props tak ada, dia akan bawa props. Dia yang akan discuss dengan photographer, dia nak macam ni, macam ni. Gambar untuk belah dalam album apa, dan di kulit luar pula apa... so maknanya dia terlalu detailed sehingga kita pun belajar jadi macam dia.” Sikap beliau yang sangat teliti ini juga turut diakui oleh rakan artis yang sering membuat persembahan dengannya iaitu Noorkumalasari yang menyatakan mereka akan berlatih menari bersama-sama sehingga jam 3 ke 4 pagi. Memetik kata-katanya: “*Kalau kerja dengan dia tu is like 3, 4 o'clock in the morning practicing dancing, because both are workaholics. Perfectionists. We want everything to be perfect.*” (Next To Neelofa, 2020).

Sudirman juga amat menghormati dan mengenali guru-guru beliau biarpun setelah lama meninggalkan dunia persekolahan. “Guru... tak kira pada peringkat mana, tetap guru kita. Sedikit sebanyak hidup kita telah dicorakkannya.” (Sudirman Arshad, 1986). Dalam tulisannya bertajuk *Mengenang Jasa Guru Kita*, beliau mencoretkan pengalaman ketika terserempak dengan bekas gurunya sewaktu di Tingkatan Satu, Encik T. T. L di sebuah kedai permainan. Beliau juga pernah mengiriskan kad ucapan (1990) kepada bekas gurunya, Puan Siti Rafiah sempena Hari Guru dengan ucapan: “*With Very Best Wishes for a heavy job. Much Respect from a-once-a-student.*” (Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, 2025)

Sumbangan dalam Seni Persembahan Malaysia

Dari sudut sumbangan, Sudirman memperkenalkan pendekatan baharu dalam seni persembahan Malaysia yang menekankan profesionalisme, kreativiti dan keterangkuman khalayak. Keupayaannya menguasai pelbagai disiplin seni iaitu nyanyian, lakonan, pengucapan awam dan pengurusan persembahan telah menaikkan piawaian industri hiburan tempatan. Konsert terbuka di Chow Kit Road pada tahun 1986 yang menghimpunkan lebih 100,000 penonton daripada pelbagai latar belakang, membuktikan keberanian dan inovasi beliau dalam merapatkan jurang antara seni elit dan masyarakat akar umbi. Sumbangan ini bukan sahaja memperkaya landskap seni persembahan tempatan, malah mengubah persepsi terhadap peranan penghibur sebagai agen budaya dan bukan sekadar figura komersial. Dalam konteks seni tempatan, Sudirman telah meletakkan asas penting kepada idea bahawa seni persembahan mampu bersifat inklusif dan berskala nasional.

Terdapat banyak gelaran yang diberikan kepada Sudirman yang membuktikan sikap inklusif beliau yang menekankan perpaduan. Bekas pengurus Sudirman, Dani’el Dharanee Dharan Kannan menyatakan bahawa Sudirman layak dikenali sebagai Ikon Perpaduan Negara dan Biduan Malaysia sebenar. Beliau berkata: *“Imej perpaduan lahir secara semula jadi dalam diri Sudirman. Konsert beliau tidak pernah gagal, sentiasa dipenuhi masyarakat berbeza latar belakang, bukan sekadar kaum, malah perbezaan dari segi kelas ekonomi juga boleh berhimpun dalam konsert sama.”* (Riadz Radzi & Syafil Syazwan Jefri, 2020). Disebabkan itu juga beliau digelar sebagai “Penghibur Milik Masyarakat,” “Seniman Rakyat,” *“The Singing Lawyer”* dan “Elvis Malaysia.” (Azzatyati Ahmad, 2014). Beliau juga merupakan satu-satunya pemegang gelaran “Penghibur Nombor 1 Asia” atas kejayaannya menjuarai pertandingan *Asian Popular Music Awards* di London (Sinar Harian, 2019).

“Bukan gelaran jadi ukuran, tetapi bakti yang disumbangkan” merupakan pesanan Sudirman kepada rakan-rakan artis ketika menyampaikan ucapan penghargaan dalam sebuah majlis anugerah melalui anak saudaranya, Atai (YouTube, 2015.) Ini menunjukkan bahawa Sudirman bukanlah seorang yang mengejar populariti atau gelaran, tetapi beliau sangat ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam apa yang dilakukannya tanpa mengharap apa-apa balasan. Pada Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri Pahang sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Ke-78 (kini Almarhum) pada 24 Oktober 2009 di Balairong Seri Istana Abu Bakar, Sudirman telah dianugerahkan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran “Datuk.” Anugerah itu telah diterima oleh kakak sulung beliau, Datin Rodziah Arshad. Kakaknya berkata: *“Walaupun Allahyarham telah lama tiada, namun anugerah ini melambangkan beliau masih diingati dan dihargai sehingga kini.”* (mStar, 2009). Di dalam *Malaysian Book of Records*, Sudirman telah diberikan gelaran tersebut secara anumerta iaitu gelaran (pangkat dan sebagainya) yang diberikan sesudah seseorang meninggal dunia bersama-sama legenda tanah air seperti P. Ramlee, Mokhtar Dahari, Tun Ghafar Baba dan Ramasamy Letchemanah. Berikut merupakan anugerah dan pengiktirafan yang telah diterima oleh beliau:

Jadual 1

Anugerah dan Pengiktirafan yang Diterima Sudirman Arshad

No.	Tahun	Anugerah dan Pengiktirafan
1	1976	Bintang RTM
2	1976	Memenangi Peraduan Menulis Esei bertajuk “ <i>The Role of Youth in National Building</i> ” anjuran Japan Airlines
3	1976	Penghibur Terbaik TV (RTM)
4	1980	Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian (<i>LL.B. Hons.</i>) dan terus mendapat jolokan sebagai “The Singing Lawyer”
5	1980	Penghibur tempatan yang pertama membuat persembahan di Paddock, Hotel Hilton, Kuala Lumpur
6	1984	“ <i>Called to the Bar</i> ”
7	1984	Diiktiraf sebagai Peguamcara dan Peguambela
8	1985	Penghibur Terbaik Malam Seri Angkasa
9	1985	Penghibur Terbaik TV (RTM)
10	1985	Dianugerahkan gelaran Duta Penyanyi Rasmi Malaysia oleh Perbadanan Pelancongan Malaysia
11	1986	Satu-satunya penghibur yang mengadakan konsert terbuka di Chow Kit Road dan dapat menarik lebih 100,000 penonton
12	1987	Penghibur Terbaik Juara Lagu TV3
13	1988	Dikurniakan Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N.)
14	1989	Penghibur No.1 Asia ‘ <i>SALEM Asian Music Award</i> ’ di Royal Albert Hall, London
15	1989	“ <i>Malaysia’s Guinness Stout Effort Award</i> ”
16	1992*	Dikurniakan pingat Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Yang Dipertuan Agong
17	1992*	Dikurniakan pingat Ahli Mahkota Pahang (A.M.P.) oleh Sultan Pahang
18	1992*	Dikurniakan anugerah Tokoh Berjasa Pahang oleh Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Pahang
19	1993*	Anugerah Istimewa Industri Muzik pada Anugerah Industri Muzik (AIM)
20	1993*	“ <i>Malaysia’s No.1 Entertainer</i> ” (New Straits Times)
21	1995*	Hadiah Pertama bagi “ <i>Mobil-MABOPA Awards for Children’s Literature</i> ” (Syarikat Mobil Oil)

Sumber. Arkib Negara Malaysia.

Seni Persembahan sebagai Medium Perpaduan Masyarakat Majmuk

Seni persembahan Sudirman memainkan peranan signifikan sebagai medium penyatuan masyarakat majmuk Malaysia. Melalui penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama persembahan di samping menyanyikan lagu dalam bahasa lain seperti Tamil dan Cina, Sudirman mengangkat seni sebagai ruang pertemuan budaya. Konsert dan persembahan beliau sering dihadiri oleh masyarakat pelbagai kaum, umur dan kelas sosial, sekali gus menjadikan seni sebagai platform interaksi sosial yang inklusif. Kajian Adil Johan dan Shazlin Amir Hamzah (2019) turut membuktikan bahawa lagu-lagu Sudirman seperti *Tanggal 31* dan *Balik Kampung* berfungsi sebagai simbol kebangsaan yang merentasi etnik. Hal ini menunjukkan bahawa seni persembahan bukan sahaja berperanan sebagai hiburan tetapi juga sebagai mekanisme pembinaan identiti kolektif dan keharmonian sosial dalam konteks Malaysia.

Menurut bekas setiausaha beliau, Intan Zabidin, Sudirman menerapkan semangat bersatu padu antara pelbagai kaum menerusi pasukan belakang tabir yang bekerjasama dengannya ketika mengadakan konsert atau acara. Beliau berkata: “*Kalau di konsert, dia tak hanya mempersembahkan lagu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, tetapi juga lagu Bahasa Cina dan Tamil serta pelbagai budaya lain. Sebab itu dia disenangi ramai orang dari pelbagai kaum.*” (Riadz Radzi & Syafil Syazwan Jefri, 2020). Pengaruh Sudirman dapat dilihat dengan jelas ketika mana beliau mengadakan persembahan atau konsert, masyarakat berbilang kaum dan darjat pasti datang menontonnya (*people from all walks of life*). Lagu-lagunya yang popular juga mempunyai tema yang bermakna kepada pengalaman harian rakyat Malaysia tidak mengira etnik (Adil Johan, 2020).

Pada sebuah konsert SUDI² di tapak Expo Ayer Keroh, Melaka pada 9 Mac 1991, beliau berkata: “Ya, kita tidak akan merasa betapa bertuahnya hidup di bumi Malaysia ini jika kita tidak membuka mata melihat malapetaka yang menimpa negeri-negeri di seluruh dunia di sekeliling kita, dan di dalam harmoni ini kita berkebolehan mempelajari dan menghayati adat resam dan budaya di negara kita yang berbagai-bagai. Maka itu, saya nyanyikan lagu ini khas untuk Lim Ah Yoke. *Hit it!*” (YouTube, 2017, Minit 6:54). Dalam konsert yang sama juga, beliau turut menyanyikan sebuah lagu Tamil berjudul Puthiya Vaanam. Titah Sudirman: “Ya para penonton, lagu ini khas untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama dan di antara mesej lagu ini mengatakan kita mestilah hidup bersatu-padu bagai satu keluarga di bumi Tuhan Yang Esa ini tanpa mengira bangsa, warna, darjat dan keturunan.” (YouTube, 2019, Minit 2:32). Beliau disenangi ramai dan diminati oleh segenap lapisan masyarakat kerana dalam setiap persembahan, beliau berjaya menghampiri dan beramah mesra dengan penonton bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi juga masyarakat Cina, India dan lain-lain.

Ternyata, Sudirman bukan sahaja berpengaruh dan dikenali di Malaysia tetapi di luar negara juga terutamanya apabila beliau berjaya merangkul anugerah Penghibur Terbaik Asia di Pertandingan *Asian Music Awards* anjuran *Salem Music Awards Festival* pada 19 Mac 1989 dan menewaskan nama-nama besar dan penghibur terbaik serantau antaranya Anita Sarawak (Singapura), Kuh Ledesma (Filipina) dan Leslie Cheung (Hong Kong). (YouTube, 2019). Beliau juga telah merakamkan lagu “*One Thousand Million Smiles*” dalam bentuk single dan dipasarkan di Eropah. Proses rakaman lagu tersebut dibuat di Studio *Abbey Road*, tempat yang mana kumpulan berpengaruh dan terkenal Britain, *The Beatles* merakamkan album mereka. Menurut Adil Johan (2020), lagu yang ditulis dalam Bahasa Inggeris oleh Paul Ponnadurai (lirik) dan Michael Veerapan (gubahan) ini menggambarkan semangat perpaduan rakyat Malaysia pelbagai etnik serta menyeru kepada dunia akan nilai-nilai kebangsaan Malaysia yang berteraskan adat berbudi bahasa, toleransi, keterangkuman sosial dan kasih sayang. Bukan sahaja Sudirman mempunyai pengaruh dan peminat di dalam negara, beliau juga mempunyai seramai 180 peminat dari luar negara (Dharanee, 2019) dan pernah mengadakan persembahan di Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Sempena memperingati jasa Sudirman, terdapat sebatang jalan yang dinamakan sempena nama beliau di Temerloh iaitu Jalan Sudirman (Ramlan Md Isa, 2019). Selain itu, pihak Google juga telah mengabadikan lakaran atau ‘doodle’ khas buat Sudirman sempena ulang tahun kelahiran beliau yang ke-65 pada tahun 2019. Lakaran tersebut dihasilkan daripada gabungan warna ungu, kuning, merah jambu selain lukisan kartun watak Sudirman sedang membuat persembahan berlatarkan lampu neon yang membentuk tulisan Google (Sinar Harian, 2019).

² Persembahan konsert ini diadakan untuk mempromosikan jenama minuman ringannya, SUDI.

Personaliti terkenal, Aznil Nawawi menyifatkan inisiatif penubuhan sebuah sekolah atau kolej seni mahupun fakulti Datuk Sudirman Haji Arshad adalah akan menjadi rujukan paling utama bagi pembuat dasar, ahli akademik, masyarakat dan peminat setia penghibur kesayangan negara itu dalam mencari pemahaman sebenar industri seni. Kisah kejayaan Sudirman harus juga diketengahkan dari sudut falsafah akademik dan bukan dari aspek hiburan semata-mata. Beliau berkata bahawa banyak disiplin seni Sudirman yang boleh dipelajari dari segi imej, falsafah seni, pengisian lagu, kehebatan pengucapan awam, cara pemasaran diri sebagai anak seni dan juga soal semangat patriotik Sudirman yang bukan sahaja terletak pada peribadi beliau tetapi turut dirakam melalui lagu-lagu patriotik dan lagu-lagu rakyat (Saharudin Musthafa, 2019).

Legasi dan Relevansi dalam Konteks Semasa

Legasi Sudirman Arshad masih relevan dalam landskap seni dan masyarakat Malaysia masa kini. Pengaruh beliau dapat dilihat melalui pementasan semula lagu-lagu ikonik, penganjuran konsert *tribute* serta pengiktirafan institusi terhadap sumbangan beliau. Lebih penting, nilai yang dibawa melalui seni Sudirman seperti patriotisme, toleransi budaya dan kecintaan terhadap rakyat terus menjadi rujukan dalam perbincangan tentang peranan seni dalam pembinaan negara bangsa. Dalam konteks cabaran perpaduan nasional masa kini, legasi Sudirman memperlihatkan bahawa seni tempatan berpotensi menjadi medium berkesan dalam memupuk kesedaran kebangsaan dan nilai kebersamaan. Oleh itu, Sudirman wajar difahami bukan sahaja sebagai legenda seni, tetapi sebagai tokoh budaya yang menyumbang secara signifikan kepada wacana perpaduan dan identiti nasional Malaysia.

Ternyata selepas pemergian Sudirman pada tahun 1992, beliau telah meninggalkan kesan dan impak yang mendalam buat seluruh rakyat Malaysia seolah-olah negara kehilangan sebutir permata berharga di dasar lautan yang luas yang tidak mungkin ditemui lagi. Sebagaimana judul lagu P.Ramlee “*Di Mana Kan Ku Cari Ganti*,” amat mustahil untuk dicari ganti insan yang berbakat besar dan berkebolehan seperti Sudirman dan P.Ramlee sebagaimana menurut Dharanee (2019) dan Syed Iskandar Syed Jaafar (2019). Setahun selepas pemergian Sudirman, sebuah album studio yang dibuat khas bagi memperingati pemergiannya telah dirakam berjudul “*Dir*” yang menampilkan beberapa artis tanah air seperti Rahim Maarof, Liza Aziz dan Ramziela. Salah satu lagu di dalam album tersebut menggunakan judul yang sama dengan tajuk album iaitu “*Dir*” ciptaan Azmi Hashim (gubahan) dan Habsah Hassan (lirik) nyanyian Rahim Maarof juga telah layak ke Anugerah Juara Lagu (AJL) Ke-8 pada tahun 1993 bagi kategori balada (YouTube, 2017). Beberapa tahun kemudian, beberapa konsert atau persembahan telah diadakan oleh artis tanah air bagi mengenang dan memberi penghormatan terhadap penyanyi legenda ini. Antaranya ialah *Konsert Salam Terakhir Siti Nurhaliza Untukmu Sudir* (2002), *Konsert Suara Hati Sudirman* (2007) dan *Konsert Sudirman... Abadi Di Hati* (2012) (mStar, 2012, Budiey, 2012).

Terdapat juga beberapa dokumentari yang menayangkan biografi dan kisah hidup Sudirman. Antaranya ialah rancangan *Trek Selebriti: Sudirman Dalam Memori* (2006) yang disiarkan oleh saluran Astro Ria bagi memperingati sejarah hidup dan pembabitan Sudirman dalam bidang seni serta turut menampilkan secara eksklusif persembahan terakhir beliau yang belum pernah disiarkan di mana-mana stesen televisyen (YouTube, 2006). Pada tahun 2007, Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menyiarkan semula program-program nyanyian yang pernah dihoskan beliau bagi mengimbuai kembali perjuangan seninya antaranya *Puspawarna 1984*, *Mekar Sejambak Sudirman dari Atai 1985*, *Istimewa Bersama Sudirman 1987* dan *Istimewa Bersama Sudirman 1988*. Pada tahun 2011 pula, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) bersama AETN All Asia Networks telah menerbitkan sebuah dokumentari di saluran *History (History Channel)* bertajuk “*Sudirman Arshad*” yang menyiarkan beberapa klip gambar serta video yang menceritakan pengalaman pahit dan getir Sudirman sepanjang berada di dalam bidang

seni selain sesi temuramah bersama beberapa teman rapat beliau (YouTube, 2011). Dokumentari ini turut disiarkan kembali oleh RTM pada tahun 2015 (mStar, 2015).

Bukan sahaja menjadi kegemaran golongan kebanyakan, malahan Sudirman juga diminati oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir pernah mengutus surat kepada Sudirman mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaannya memenangi pertandingan di London (Syaida Ismail, 2019). Pada masa yang sama, Sudirman Arshad (1990) juga amat mengagumi negarawan ini dan pernah menulis artikel di ruangan akhbar Mingguan Malaysia tentang tiga aspek perjuangan Dr. Mahathir yang menjadi inspirasi buat dirinya iaitu pandangan jauh ke hadapan menuju suatu matlamat, perancangan yang bijak serta usaha yang gigih sebagai daya penggerak serta kesabaran dan ketegasan sebagai benteng perjuangan. Dalam satu temu bual menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri, Dr. Mahathir mendedahkan bahawa lagu Selamat Hari Raya dendangan Sudirman merupakan lagu raya pilihannya (BERNAMA, 2018).

Impak Sudirman terhadap masyarakat bukan sahaja dipaparkan media massa menerusi rancangan hiburan, konsert atau persembahan dan dokumentari, tetapi tempat pengajian di mana beliau pernah menuntut ilmu dan bergraduasi iaitu Universiti Malaya turut mengadakan satu pameran sebagai mengenang kembali pemergian beliau dan juga sempena mengenang jasa beliau sebagai alumni universiti tersebut, iaitu Pameran "*One Thousand Million Smiles... Sudirman Haji Arshad*". Objektif utama pameran tersebut diadakan khas untuk mempamerkan koleksi beliau sebagai insan seni yang mempunyai bakat luar biasa. Antara koleksi yang dipamerkan meliputi karya tulisan beliau, poster, keratan akhbar, piring hitam, kaset, cakera padat (CD), koleksi gambar, filem lakonan, buku, artikel dan tesis tentang beliau (Juhaida Abd Rahim et al., 2018). Selain itu, pameran tersebut juga turut berkongsi maklumat peribadi beliau berkaitan biodata diri, pencapaian, sumbangan dan sebagainya (Nurul Hasni Abu Hassan & Vijayalatchumy Maruthaveeran, 2018).

CADANGAN

Pendidikan

1. Menubuhkan sebuah sekolah atau kolej seni mahupun fakulti Datuk Sudirman Haji Arshad yang akan menjadi rujukan paling utama bagi pembuat dasar, ahli akademik, masyarakat dan peminat setia penghibur kesayangan negara itu dalam mencari pemahaman sebenar industri seni. Kisah kejayaan Sudirman harus juga diketengahkan dari sudut falsafah akademik dan bukan dari aspek hiburan semata-mata. Banyak disiplin seni Sudirman yang boleh dipelajari dari segi imej, falsafah seni, pengisian lagu, kehebatan pengucapan awam, cara pemasaran diri sebagai anak seni dan juga soal semangat patriotik Sudirman yang bukan sahaja terletak pada peribadi beliau tetapi turut dirakam melalui lagu-lagu patriotik dan lagu-lagu rakyat.
2. Mewujudkan silibus mata pelajaran berkaitan Sudirman sebagai sebuah subjek elektif di sekolah-sekolah seni di Malaysia.
3. Mengadakan *Siri Syarahan Memperingati Sudirman* secara tahunan bagi membincangkan ketokohan Sudirman dari sudut pemikiran dan sumbangan beliau oleh pakar akademik, selebriti, rakan-rakan rapat beliau dan sesiapa sahaja yang berminat dan mengkaji tentang Sudirman.

Pemeliharaan Warisan dan Apresiasi Seni

1. Mempromosi Galeri Sudirman dengan lebih meluas supaya masyarakat secara umumnya dapat melawat dan mempelajari nilai-nilai yang baik terdapat dalam diri Sudirman sepertimana Muzium Tokoh, Kuantan, Pahang yang menyimpan koleksi peribadi Sudirman.
2. Membikin sebuah filem yang memaparkan kisah hidup Sudirman. Penulis mengambil cakna tentang pembikinan sebuah filem dengan judul *Sudi: Asia's No. 1 Performer - Sudirman* (Sudi Production Sdn. Bhd.) yang telah mendapat tawaran Dana Pembangunan Skrip daripada Kementerian Komunikasi melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Penulis berharap plot cerita dan naratif dipaparkan dapat memberi ilham, motivasi dan mesej positif kepada penonton dan masyarakat secara keseluruhan.
3. Membuat pertunjukan teater muzikal memaparkan kehidupan Sudirman melalui karya-karyanya.

Pengiktirafan dan Pembudayaan Legasi

1. Memperkenalkan *Anugerah Seni Sudirman* bagi mengiktiraf anak seni yang mempunyai bakat menyerupai Sudirman atau membanggakan nama Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa.
2. Menganjurkan *Festival Sudirman* yang mengandungi senarai acara seperti wacana, bengkel, pameran, persembahan, tayangan dokumentari dan persembahan beliau dengan Anugerah Seni Sudirman sebagai acara kemuncaknya.
3. Menawarkan *Biasiswa Sudirman* bagi anak Malaysia yang berbakat dalam bidang seni persembahan untuk melanjutkan pelajaran sama ada di dalam mahupun luar negara.

KESIMPULAN

Sudirman Arshad merupakan tokoh seni persembahan yang melangkaui peranan sebagai penghibur popular, sebaliknya berfungsi sebagai agen budaya dan sosial dalam masyarakat majmuk Malaysia. Melalui pemikiran seni yang berteraskan pengalaman rakyat, kepekaan terhadap realiti sosial serta nilai kemanusiaan, beliau menjadikan seni persembahan sebagai medium refleksi masyarakat dan penyatuan nasional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa karya dan persembahan beliau bukan sahaja memperkaya landskap seni tempatan, malah menyumbang kepada pembinaan identiti kebangsaan yang inklusif dan merentas perbezaan etnik, bahasa dan kelas sosial. Pemikiran dan sumbangan Sudirman perlu difahami dalam kerangka akademik yang lebih luas sebagai wacana seni yang mempunyai implikasi sosiobudaya dan nasional. Pendekatan seni beliau memperlihatkan potensi seni persembahan tempatan sebagai instrumen integrasi sosial yang berkesan, khususnya dalam konteks Malaysia yang berdepan cabaran polarisasi masyarakat. Oleh itu, legasi Sudirman wajar terus dikaji dan dimanfaatkan sebagai rujukan dalam pembangunan seni, pendidikan budaya dan dasar perpaduan negara. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pengkayaan dan perekaayaan wacana seni dan perpaduan nasional dengan mengangkat Sudirman Arshad sebagai budayawan yang relevan dan signifikan dalam konteks perpaduan masyarakat majmuk Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan serta terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran atau pembiayaan khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Dr. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap konseptualisasi kajian, pengumpulan dan analisis data, penulisan draf asal, penyuntingan serta penyediaan manuskrip sehingga ke peringkat akhir.

PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan makalah ini.

PERNYATAAN ETIKA DAN KETERSEDIAAN DATA

Kajian ini mematuhi semua keperluan etika penyelidikan yang berkaitan. Data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam makalah ini. Data tambahan boleh diperolehi daripada penulis atas permintaan yang munasabah.

RUJUKAN

- Adil Johan. (2020). Muzik popular Malaysia: Perangsang dan pelantar sosial integrasi nasional. Dalam *Tapak integrasi dan wahana penyatupaduan bangsa* (hlm. 143–164). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/9.Manuskrip-ICIP.Dr-Adil.pdf>
- Adil Johan, & Shazlin Amir Hamzah. (2019). Malaysian popular music and social cohesion: A focus group study conducted in Kuching, Kota Kinabalu and Klang Valley. *Kajian Malaysia*, 37(2), 188–211. <https://doi.org/10.21315/km2019.37.2.8>
- Adil Johan, & Shazlin Amir Hamzah. (2020). Malaysian music and social cohesion: Contemporary responses to popular patriotic songs from 1950s-1990s. *Jati - Journal of Southeast Asian Studies*, 25(1), 191–209. <https://doi.org/10.22452/jati.vol25no1.10>

- Amalina Akashah, Tan, S. C., & Aravinthan, R. (2018, Mac 3). Law thesis of Sudirman on exhibit at UM. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/03/03/law-thesis-of-sudirman-on-exhibit-at-um>
- Asyraf Roslan. (2020, Jun 23). *Siti Nurhaliza rakam semula lagu Teratai Menjelma nyanyian Sudirman dalam ManifestaSITI2020*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/siti-nurhaliza-rakam-semula-lagu-teratai-menjelma-nyanyian-sudirman-dalam-manifestasiti2020-248384>
- Azzyati Ahmad. (2014, Februari 23). *Sudirman, Elvis Presley Malaysia?* Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/sudirman-elvis-presley-malaysia-30664>
- BERNAMA. (2018, Jun 14). *Kuih Makmur, lagu Sudirman antara kegemaran Dr Mahathir di hari raya*. Berita Mediacorp. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/dunia/kuih-makmur-lagu-sudirman-antara-kegemaran-dr-mahathir-di-hari/4053188.html>
- BERNAMA. (2025, November 13). *Penduduk Malaysia pada suku ketiga 2025 meningkat kepada 34.3 juta – DOSM*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penduduk-malaysia-pada-suku-ketiga-2025-meningkat-kepada-343-juta-dosm-547429>
- BERNAMA. (2026, Mac 10). 173 Laporan isu perpaduan diterima setakat ini - Yuneswaran. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/03/1519483/173-laporan-isu-perpaduan-diterima-setakat-ini-yuneswaran>
- Budiey. (2012, Februari 22). *Konsert Sudirman abadi di hati*. Sensasi Selebriti. <https://www.budiey.com/konsert-sudirman-abadi-di-hati/>
- Calmille. (2006, Mac 1). *Trek selebriti - Sudirman dalam memori (Part I)* [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=pFMGVbnw8_U
- Calmille. (2006, Mac 1). *Trek selebriti - Sudirman dalam memori (Part II)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=MyVhOTcbERM>
- Calmille. (2006, Mac 1). *Trek selebriti - Sudirman dalam memori (Part III)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=EFoDWI5I93M>
- Calmille. (2006, Mac 3). *Trek selebriti - Sudirman dalam memori (Part IV)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=g-zDzABMqTM>
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (ed. ke-3). SAGE Publications.
- Dharanee, D. (2019). Dia memang dilahirkan untuk berada di pentas. Dalam Saodah Ismail (Peny.), *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Dharanee, D. (2019). Impian besarnya untuk bakat tempatan. Dalam Saodah Ismail (Peny.), *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Dharanee, D. (2019). Kita bertuah ada P. Ramlee dan Sudirman. Dalam Saodah Ismail (Peny.), *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Dharanee, D. (2019). Rahsia sedih di sebalik Royal Albert. Dalam Saodah Ismail (Peny.), *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Farahin Fadzil. (2024, April 2). Ini fakta menarik tentang 5 lagu raya yang selalu anda dengar. *The Rakyat Post*. <https://www.therakyatpost.com/trpbm/gaya-hidup/2024/04/02/ini-fakta-menarik-tentang-5-lagu-raya-yang-selalu-anda-dengar/>
- Farihad Shalla Mahmud. (2019, Oktober 4). Siti rakam semula lagu Sudirman. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2019/10/613975/siti-rakam-semula-lagu-sudirman>
- Fiza Kamarudin. (2020, Mei 25). Lagu yang dimainkan pada hari raya, tapi tak ada perkataan raya pun dalam lirik. *Gempak*. <https://gempak.com/berita-hiburan/lagu-yang-dimainkan-pada-hari-raya-tapi-tak-ada-perkataan-raya-pun-dalam-lirik-36792>

- Firdaus Azil. (2026, Jun 28). PRN Johor: Teo seru kempen sihat, MCMC giat pantau isu 3R. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-johor-teo-seru-kempen-sihat-mcmc-giat-pantau-isu-3r>.
- Habsah Hassan. (2019). Kisah sedih di sebalik merisik khabar. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Habsah Hassan. (2019). Tiada siapa yang boleh jadi macam dia. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Huda Hussain. (2020, Ogos 20). Tak sempurna sambutan merdeka setiap tahun tanpa lagu keramat Tanggal 31. Ini kisah disebaliknya. *Gempak*. <https://gempak.com/berita-hiburan/tak-sempurna-sambutan-merdeka-setiap-tahun-tanpa-lagu-keramat-tanggal-31-ini-kisah-disebaliknya-40860>.
- Juhaida Abd Rahim, Siti Mawarni Salim, Haslan Tamjehi, & Zanaria Saupi Udin. (2018, Ogos 23). *Online exhibition on a shoe string* [Pembentangan kertas kerja]. Persidangan IFLA GenLoc Satellite Meeting: Local Histories & Genealogies in Multicultural Asia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Kelab Peminat Sudirman. (2015, Februari 16). *Atai wakil Cokman terima award*. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=kJDsKfVEPSU>
- Kelab Peminat Sudirman. (2017, November 26). *Sudirman - Hao Ge Xian Gei Ni 好歌献给你 (Lagu Kantonis) | Konsert SUDI (1991)*. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=BMak4TenOvw>
- Kenneth Chaw. (2016, November 8). Review: Anuar Zain Vol. 5 by Anuar Zain. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/lifestyle/music/2016/11/08/review-anuar-zain-vol5-by-anuar-zain>
- Khidr771. (2011, Mac 23). *History Sudirman Arshad [Part 3]*. YouTube. <https://www.YouTube.com/watch?v=r9eTsBZPEes>
- Lockard, C. A. (1996). Popular musics and politics in modern Southeast Asia: A comparative analysis. *Asian Music*, 27(2), 149–199. <https://doi.org/10.2307/834493>
- Makalah Pameran Perpustakaan Universiti Malaya. (2018, Februari-Mei). *One thousand million smiles Sudirman Hj Arshad*. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Almahera Abu Hassan, & Syahidatul Munirah Badrul Munir. (2022). Puisi sebagai alat revolusioner: Analisis tekstual puisi-puisi perjuangan Patani dalam internet. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 87-117. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.3>
- Mohammad Haris Abd Azis, & Mohd Azhar Abu Bakar @ Azmeer. (2025). Representasi ‘hubungan terlarang’ dalam lirik lagu “Gemuruh” Search Ft Wings berdasarkan semiotik Roland Barthes. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 1-22. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.1>
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, & Ahmad Hidayat Buang. (2022). Ahmad Ibrahim (1916-1999) dan Sudirman Arshad (1954-1992): Ikon perpaduan negara dalam bidang perundangan dan seni persembahan. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*, 33(2): 1-25.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, Sulaiman Fitri Ramli, & Mohamed Azam Mohamed Adil (2025). The visit to non-muslim houses of worship according to the hukum syarak and Malaysian legal perspectives. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 18(1), 1–26.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. (2024). Dato’ Sudirman Haji Arshad: Penghibur intelektual warisan negara. *Dewan Masyarakat*. Bil. 4. 32-33.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. (2026). Ikon negara sebagai pemangkin keharmonian masyarakat majmuk Malaysia. Dalam Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Enizahura Abdul Aziz, & Mohd Nazmi Mohd Kahalli @ Sami (Peny.), *Citra harmoni Malaysia*. Penerbit IKIM.

- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. (2025, Mei 16). *Sudirman: SPM, seniman dan gurunya*. Jendela DBP. <https://dewanmasyarakat.jendeladbip.my/2025/05/16/29351/>
- Nazri Masnan. (2017, Oktober 9). *Rahim Maarof - Dir (Live In Juara Lagu 93) HD* [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=_x2tKFvj2j4
- Neelofa. (Penghos). (2020). *Episod 10* [Episod siri TV]. Dalam *Next to Neelofa*. Astro Ria.
- Nor Lelinza Abd. Rasid. (2006). *Sejarah Hidup Sudirman*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norisah Sulaiman. (2019). Banyak kali juga kena tegur dengan Sudir. Dalam Saodah Ismail (Peny.), *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Norisah Sulaiman. (2019). Seorang yang sangat teliti, terperinci, perfectionist. Dalam Saodah Ismail (Peny.), *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Nurul Hasni Abu Hassan, & Vijayalatchumy Maruthaveeran. (2018, Mei 31). *One thousand million smiles..Sudirman Haji Arshad exhibition*. Umlibweb. <https://umlibweb.wordpress.com/2018/05/31/one-thousand-million-smiles-sudirman-haji-arshad-exhibition/>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Peletz, M. G. (2002). *Islamic modern: Religious courts and cultural politics in Malaysia*. Princeton University Press.
- Penghibur Legenda. (2019, Mac 23). *Konsert Sudirman (Full) | Salem Music Awards | The Royal Albert Hall, London (1989)*. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=naYY7TYtkSU>
- Penghibur Legenda. (2019, April 22). *Sudirman - Lagu Tamil (Puthiya Vaanam) | Konsert SUDI (1991)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=DgNNSxpcneM>
- Penghibur Legenda Sudirman. (2017, September 22). *Sudirman tercabar di UKM* [Hantaran Facebook]. Facebook. <https://www.facebook.com/Sudirman.Hj.Arshad/posts/sudirman-tercabar-di-ukm-jika-tidak-kerana-campur-tangan-perdana-menteri-datuk-s/1475250595895593/>
- Ramlan Md Isa. (2014, Jun 17). *Sudirman Arshad biography (2011)* [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=5_GhnielNGY
- Ramlan Md Isa. (2019). Lagu Sudirman melampaui zaman. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Ramlan Md Isa. (2019a). Lagu Sudirman melampaui zaman. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Ramlan Md Isa. (2019b). Sedih dan kecewa jasa Sudirman tidak dikenang. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Riadz Radzi, & Syafil Syazwan Jefri. (2020, Ogos 31). Abadi jiwa patriotik. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/08/615612/abadi-jiwa-patriotik>
- Riduan Judin. (2014, September 24). *Kesilapan dalam lirik lagu 'Warisan' – Sudirman Hj Arshad*. Blogspot. <http://riduanjudin.blogspot.com/2014/09/kesilapan-dalam-lirik-lagu-warisan.html>
- Rozdan Mazalan. (2018, Ogos 25). Sudirman ikon patriotisme bidang seni. *Berita Harian*. <https://origin.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/465767/sudirman-ikon-patriotisme-bidang-seni>
- Saharudin Musthafa. (2019, Februari 20). *Bukan mudah menulis mengenai Sudirman – Saodah Ismail*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-mudah-menulis-mengenai-sudirman-saodah-ismail-199120>
- Saharudin Musthafa. (2019, Februari 21). *Tubuhkan sekolah kesenian Sudirman Haji Arshad – Aznil Nawawi*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tubuhkan-sekolah-kesenian-sudirman-haji-arshad-aznil-nawawi-199163>

- Samadi Ahmad. (2024, Mac 17). Kalimah Allah pada stoking tidak boleh dipandang remeh. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071125/kalimah-allah-pada-stoking-tidak-boleh-dipandang-remeh>
- Saodah Ismail. (2019). Chow Kit Road. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Saodah Ismail. (2019b). Kali pertama dia marah. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Saodah Ismail. (2019c). Menghiris luka di hatiku. Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Saodah Ismail. (2019d). Sudirman Haji Arshad... Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Sudirman, Haji Arshad, "A legal study of copyright protection in Malaysia / Sudirman Haji Arshad" (1979). *Pre-2000 Student Works*. 481. https://knova.um.edu.my/student_works_pre2000/481
- Sudirman Arshad. (1986). *Dari dalam... Sudirman*. Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd.
- Sudirman Arshad. (1990, Oktober 14). Kenapa saya suka Mahathir. *Mingguan Malaysia*.
- Syaida Ismail. (2019, Februari 22). *Sudirman 27 tahun dalam kenangan, ini 14 gambar menarik penghibur legend negara pada zaman kegemilangannya*. Lobak Merah. <https://lobakmerah.com/sudirman-27-tahun-dalam-kenangan-ini-14-gambar-menarik-penghibur-legend-negara-pada-zaman-kegemilangannya/>
- Shamrahayu Ab Aziz. (2019). Perlembagaan Persekutuan dan masyarakat majmuk. Dalam Azizan Baharuddin, Enizahura Abdul Aziz, & Mohd Amiruddin Kamarulzaidi (Peny.). *Islam dan hubungan antara penganut agama*. Penerbit IKIM.
- Syed Iskandar Syed Jaafar. (2019). Mana ada artis lain buat macam itu? Dalam Saodah Ismail (Peny.). *Sudirman yang ku kenali*. Khutubkata Resources.
- Sudirman antara 44 lulus Sarjana Muda Undang2. (1980). *Utusan Malaysia*. <http://commonrepo.um.edu.my/4862/>
- Sudirman terima gelaran Datuk. (2009, Jun 18). *mStar*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2009/06/18/sudirman-terima-gelaran-datuk>
- Orkestra RTM persembah konsert "Sudirman... Abadi Di Hati." (2012, Februari 23). *mStar*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2012/02/23/orkestra-rtm-persembah-konsert-sudirman-abadi-di-hati>
- RTM ulang siar dokumentari Sudirman Arshad. (2015, Februari 20). *mStar*. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2015/02/20/dokumentari-sudirman>
- Wafa Aula. (2025, Mac 4). Persenda agama Hindu, tiga penyampai radio ERA digantung tugas. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/persenda-agama-hindu-tiga-penyampai-radio-era-digantung-tugas/>
- Wartawan Sinar Harian. (2019, Mei 25). Google doodle khas untuk Sudirman. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/29839/BERITA/Nasional/Google-doodle-khas-untuk-Sudirman>